

## **Jangan pertaruh masa depan**

**Utusan Online**

**22 April, 2012**

**Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN dan SANTE VILLIAMON**

SANDAKAN 21 April - Datuk Seri Najib Tun Razak menegaskan, kecemerlangan masa depan negara bergantung sepenuhnya kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah terbukti membawa pembangunan kepada negara dan rakyat.

Justeru, Perdana Menteri meminta rakyat jangan sesekali mempertaruhkan masa depan mereka dan negara dengan menyokong pembangkang yang hanya pandai membuat janji kosong.

"Kita ada masa depan yang cerah, Malaysia ada masa depan yang cerah jika semua menyokong kerajaan sedia ada dan masa depan Malaysia bergantung kepada kerajaan sedia ada.

"Jadi sebagai pemimpin, saya memerlukan mandat untuk membawa transformasi negara untuk menjadikan sebagai salah satu negara terbaik di dunia," katanya ketika berucap pada Majlis Perdana Bersama Rakyat 1Malaysia Parlimen Sandakan dan Batu Sapi di Dewan Hakka di sini malam tadi.

Hadir sama Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Pengerusi BN Sandakan, Datuk Liew Vui Keong; Pengerusi BN Batu Sapi, Datuk Samsuddin Yahya dan Ahli Parlimen Batu Sapi, Datin Linda Tsen.

Jelas Najib, kerajaan telah berada pada landasan yang betul dengan melaksanakan program yang dirancang secara berperingkat bagi membawa negara ke satu tahap membanggakan.

Katanya, kerajaan memerlukan sokongan seluruh rakyat pelbagai kaum tidak terhad kepada bangsa Melayu sahaja bagi membangunkan negara selaras dengan konsep 1Malaysia.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada Sabah termasuk Sandakan dalam melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

Katanya, antara projek yang akan dilaksanakan di daerah ini adalah menurap Jalan Sibuga bernilai RM20.5 juta dan projek perumahan di Kampung Lupak Meluas di Batu Sapi bernilai RM63.5 juta.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0422&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0422&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_02.htm)